

**UCAPAN PROFESOR DR. AHMAD YUSOFF BIN
HASSAN, SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
MICROSOFT OUTLOOK LIVE, AUDITORIUM
BANGUNAN CANSELORI, UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA
31 JULAI 2009**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

YBhg. Encik Farad Al-Husaini, Pengarah Pendidikan
Kumpulan Sektor Awam, Microsoft Malaysia Sdn.Bhd.

YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Timbalan
Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad
Diah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang
Dekan, Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Yang Berusaha En. Mohd Isa Bin Mohd Dom
Pengarah, Pusat Komputer, selaku Pengerusi
Jawatankuasa Pelaksana Majlis Perasmian *Microsoft
Outlook Live* UTeM

Saudara Mohd Saiful Nizam, Yang Dipertua Majlis
Perwakilan Pelajar UTeM

Pegawai- Pegawai Kanan Universiti, Para Pensyarah
Mahasiswa dan mahasiswi yang dikasihi sekalian,
Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

KATA ALUAN:

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
salam sejahtera.

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wata'alla kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya dapat kita berhimpun dan bertemu dalam Majlis Perasmian *Microsoft Outlook Live* Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Bagi pihak Universiti, saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kehadiran Y.Bhg Encik Farad Al-Husaini mewakili Microsoft Malaysia Sdn. Bhd, atas kesudian beliau untuk bersama-sama warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Untuk makluman semua, penglibatan Microsoft Malaysia bersama-sama Encik Farad sememangnya tidak asing lagi di UTeM. Beliau juga terlibat dalam

penganjuran Pertandingan *Imagine Cup* Peringkat Kebangsaan 2009 baru-baru ini, dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi, UTeM, Microsoft Malaysia dan MDeC. Saya bagi pihak warga Universiti, merakamkan jutaan terima kasih atas komitmen berterusan beliau.

OBJEKTIF & FAEDAH PROGRAM

Tuan-tuan dan puan-puan, serta mahasiswa/mahasiswi yang dihormati,

Majlis Perasmian *Microsoft Outlook Live* ini merupakan **kolaborasi pintar** melibatkan Pusat Komputer dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UTeM bersama-sama Microsoft Malaysia. Ia menumpukan kepada

kerjasama menyediakan **keperluan perkhidmatan IT** yang terbaik di kalangan pelajar dan pensyarah UTeM. Matlamat utama program ini adalah untuk menggalakkan penggunaan IT dan menjadikan ***e-mel*** sebagai medium “**komunikasi rasmi**” melibatkan **pelajar dan pensyarah.**

Sebelum ini, sistem *e-mel* pelajar di UTeM menggunakan akses *Webmail*. Walau bagaimanapun, pertambahan bilangan pelajar setiap tahun memberi kesan kepada bebanan ***server penyimpanan mail*** dan **meningkatkan kaedah & kos penyelenggaraan.** Justeru itu, dengan adanya kolaborasi pintar ini maka Program *Microsoft Outlook Live* telah dilancarkan.

Menerusi program ini, pihak Microsoft telah menawarkan kepada pengguna UTeM, **perkhidmatan 10GB e-mel mailbox, 25GB simpanan online (Windows Live Skydrive), Kalendar, blogging tools** dan **pengguna juga boleh melayari perkhidmatan ini menggunakan telefon mudah alih** secara percuma.

Selain menawarkan perkhidmatan ini kepada pelajar, pihak Microsoft juga melebarkan penggunaan *Microsoft Outlook Live* kepada para pensyarah dengan menggunakan akaun *emel* yang sama. Semoga dengan adanya program ini, diharapkan dapat memudahkan urusan pembelajaran dan pengajaran ICT di Universiti.

MERAPATKAN JURANG DIGITAL DI KALANGAN MAHASISWA

Hadirin yang dihormati sekalian,

Majoriti masyarakat dunia negara membangun **masih tidak mempunyai akses** kepada Internet. Situasi ini **mewujudkan “jurang digital”** yang begitu serius. Kerajaan Malaysia misalnya, telah mula melabur dalam sektor awam dan swasta untuk mempertingkatkan infrastruktur ICT pada RMK8. Usaha tersebut menampakkan impak yang positif apabila **penggunaan komputer peribadi dan langganan Internet dial-up meningkat.**

Sumber yang diperoleh dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Unit Perancangan Ekonomi menjelaskan bahawa, **“Petunjuk Penggunaan ICT di Malaysia”** memperlihatkan kadar penembusan komputer peribadi meningkat sekali ganda daripada 9.4% setiap 100 penduduk kepada 21.8% pada tahun 2005 manakala kadar penembusan langganan *internet dial-up* meningkat daripada 7.1% setiap 100 penduduk pada tahun 2000 kepada 13.9% pada tahun 2005. Penembusan langganan *Internet dial-up* ini dijangka terus **meningkat pada tahun 2010 kepada 35.0% bagi setiap 100 penduduk.** (Aspirasi Digital, Majalah Dwibulanan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Malaysia)

Agenda jalur lebar kebangsaan terus menjadi keutamaan oleh kerajaan. **Sasaran terbaru adalah untuk menembusi “75 peratus isi rumah” pada akhir 2010.** Sehubungan itu, pelbagai pendekatan telah dianjurkan oleh syarikat tempatan dan luar negara untuk mencapai sasaran ini. Malah, pelaksanaan Program *Microsoft Outlook Live* ini juga menunjukkan **keserasian** dan **tanggungjawab sosial** yang cuba dipenuhi oleh agensi swasta.

Justeru, usaha ini seharusnya dihargai dan memberi makna yang besar kepada Universiti, Mahasiswa dan Negara dalam proses **melahirkan modal insan yang mementingkan ilmu pengetahuan serta bersandarkan maklumat.**

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ICT UNIVERSITI

Hadirin dan hadirat sekalian,

Universiti juga telah pun memperuntukkan sejumlah **RM1.2 juta setahun** untuk **menaik taraf akses perkhidmatan Internet** kepada *70Megabite* di Kampus Induk dan *134Megabite* untuk ketiga-tiga kampus. Kemudahan **prasarana Makmal Komputer di Dewan Siber** turut disediakan dengan kemudahan hampir 500 komputer bagi kegunaan pelajar. Pihak pengurusan Universiti juga sedang berusaha menyediakan **kemudahan wireless secara percuma** yang boleh diakses oleh pelajar di Kolej Kediaman.

HARAPAN:

Hadirian serta mahasiswa sekalian,

Kesemua ini dilakukan oleh pihak pengurusan dengan mengambil kira akan kepentingan untuk generasi hari ini bertindak **pantas dan tidak ketinggalan** dari kerancakan arus kemodenan dan globalisasi yang dibawa oleh perkembangan ICT. Usaha **mengarusperdanakan akses** kemudahan ICT ini memberi kelebihan untuk negara beralih ke arah **ekonomi berasaskan pengetahuan**. Kerjasama dan sokongan agensi swasta juga mampu memberikan persekitaran ICT yang adil dan saksama untuk dinikmati oleh warga kampus dan masyarakat di luar sana.

Kepada Mahasiswa/i, saya berpesan gunakan kemudahan ICT yang disediakan oleh pihak Universiti sebaik mungkin dan untuk **kebaikan menuntut ilmu** bukan kepada unsur-unsur yang tidak baik hingga **menjejaskan pengajian dan keikhlasan anda menuntut ilmu.**

PENUTUP

Akhir kata, sebelum saya mengundur diri. Saya merakamkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada En. Farad Al-Husaini, selaku Pengarah Pendidikan Kumpulan Sektor Awam, Microsoft Malaysia Sdn. Bhd atas sokongan dan komitmen untuk menjayakan program ini.

Tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada Pengarah Pusat Komputer, Dekan Hal Ehwal Pelajar serta Jawatankuasa Pelaksana Program atas usaha merealisasikan program ini. Semoga Allah memberikan ganjaran dan memberkati segala usaha dan tanggungjawab yang telah disempurnakan ini.

Dengan lafaz “Bismillahirrahmannirrahmi”, saya dengan ini merasmikan Program *Microsoft Outlook Live* Universiti Teknikal Malaysia Melaka 2009.

Sekian, Terima Kasih.

erwan@utem.edu.my